

01 APR 2002

Parlimen-Bahas

TABUNG HAJI LANGGAR "HUKUM ALAM" LABUR TUKARAN ASING

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini mempersoalkan bagaimana agensi kerajaan seperti Tabung Haji boleh terlibat dengan pelaburan berisiko tinggi seperti tukaran asing kerana bidang itu "luar daripada jangkauannya".

Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) yang menyifatkan pelaburan Tabung Haji dalam tukaran wang itu sebagai melanggar "hukum alam", meminta Kementerian Kewangan membuat analisis bagi mengetahui asas keputusan pembabitan Tabung Haji dengan pelaburan seperti itu.

"Apabila Tabung Haji terlibat dalam pelaburan tukaran wang, ini sudah terkeluar daripada had hukum alam dan ini pastinya memerlukan satu analisis mendalam.

"Jadi di sini saya ingin meminta kementerian (Kewangan) agar memberi penjelasan bagaimana keputusan dibuat untuk Tabung Haji terlibat dalam bidang di luar daripada jangkauan ahli lembaga mahupun pihak pengurusan," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001 dan 2002) 2002 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Ahmad Husni berkata Tabung Haji dan agensi kerajaan yang lain sepatutnya terlibat dalam pelaburan seperti perumahan, perladangan serta perdagangan dan bukannya dalam aktiviti pelaburan tukaran wang.

Wakil itu berpendapat masalah yang berlaku dalam Tabung Haji berpunca daripada kemerosotan ekonomi serta pengurusan yang tidak teratur.

Katanya beliau membangkitkan isu itu kerana terdapat beberapa keputusan agensi kerajaan dibuat tanpa penyelidikan mendalam tetapi hanya bersandarkan kertas kerja yang ringkas walaupun bagi pelaburan yang kritikal.

Ahmad Husni berkata sekiranya pelaburan itu diputuskan setelah krisis ekonomi berlaku, langkah pengurusan Tabung Haji itu bertentangan dengan pendirian kerajaan yang menolak spekulasi mata wang.

Beliau turut membidas segelintir sektor swasta di negara ini yang terlalu bergantung kepada kerajaan apabila mengalami kegagalan.

"Fenomena ini amat membimbangkan kerana kerajaan akan mengambil alih sektor yang gagal manakala kapten industrinya hanya mengejar status, enjoy sana sini. Jadi ini tidak betul," katanya.

Ahmad Husni berkata terdapat tokoh-tokoh korporat yang sibuk bermain golf, melancong ke luar negara dan mempunyai pejabat yang sangat besar walaupun ketika negara mengalami krisis ekonomi sedangkan syarikat mereka berada di bawah Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

"Tidak ada langsung tanggungjawab kepada negara...dan kita (pula) masih lagi mengambil sikap mesti tolong. Kalau hendak tolong, mereka mesti tolong diri mereka sendiri potong main golf, potong keluar negara dan pejabat mesti dikecilkan," katanya.

Chang See Ten (BN-Gelang Patah) pula melahirkan kebimbangannya mengenai pembelian alat pengimbas VASIC II buatan Amerika Syarikat oleh Jabatan Kastam Diraja, yang dipercayai menggunakan sinaran GAMMA yang bersifat radioaktif, dan bukan X-ray.

Sinaran GAMMA ini boleh menyebabkan kanser kepada mereka yang terkena sinarannya, kata beliau sambil mempersoalkan sama ada Jabatan Kastam yang telah mengesah akan membeli lima unit pengimbas itu, telah mendapat nasihat atau kebenaran daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom atau Institut Teknologi Nuklear Malaysia sebelum membeli alat itu.

Chang juga ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh jabatan

berkenaan bagi memastikan alat pengimbas itu selamat digunakan oleh kakitangan jabatan itu dan juga kepada orang ramai.

Menurut beliau, jika berlaku kebocoran, sistem sinaran GAMMA yang setinggi satu milikuri akan menyebabkan kecelakaan kepada kawasan sekeliling 10 kilometer.

"Saya tidak mahu kecelakaan yang berlaku di Chernobyl, Rusia juga berlaku kepada kita," katanya.

Datuk Mohamad bin Aziz (BN-Sri Gading) berkata keupayaan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada persidangan khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan selama tiga hari mulai hari ini patut menjadi satu kebanggaan.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu-satunya pemimpin negara Islam yang paling berani bercakap tentang keganasan sebenar yang berlaku di dunia.

Beliau berkata serangan bertubi-tubi dan keganasan Israel terhadap Palestin sekarang sehingga menyebabkan pemimpinnya Yasser Arafat terperangkap di Ramallah adalah keterlaluan.

"Menteri Luar OIC yang bersidang di sini bagi membincangkan keganasan perlu mengambil satu keputusan dan pendirian yang tegas bagi menahan Israel daripada terus menyerang sehingga mengancam nyawa Yasser Arafat," katanya.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata Malaysia perlu bertegas dan memimpin negara-negara Islam supaya sepakat dalam menangani dan memperjuangkan nasib Palestin.

Beliau mencadangkan supaya Malaysia mempelopori satu tindakan supaya Palestin dibenarkan mendapat bantuan antarabangsa untuk mempertahankan haknya daripada diganasi, dizalimi dan diporak-perandakan oleh Israel serta mendesak Amerika Syarikat bersikap waras terhadap apa yang berlaku di Palestin.

"Kita amat insaf bahawa Israel adalah konco Amerika. Kita amat insaf Amerika mempunyai jalinan persahabatan yang cukup istimewa dengan Israel, malah Israel juga menjadi faktor memperkukuhkan kekuasaan Amerika ke atas minyak dan kekayaan di wilayah berkenaan," katanya.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) berkata parti pembangkang berharap kerajaan dapat memainkan peranan yang lebih untuk memberhentikan segala keganasan di Palestin ke arah mencapai kedamaian.

Katanya ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mestilah dikuatkuasakan.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

HS HS MAI